



**Laporan Kemajuan
Jawatankuasa Kira-Kira
Wang Negara
September 2013
sehingga
April 2015**

**RINGKASAN EKSEKUTIF 'REPORT CARD' JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN MALAYSIA BERMULA DARIPADA JULAI 2013 – APRIL 2015**

- 1) Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen ke 13 dibentuk pada September 2013 selepas Pengerusi dan Naib Pengerusi dilantik Dewan Rakyat pada 18 Julai 2013
- 2) Sepanjang 2013 bermula bulan Julai 2013, PAC mengadakan prosiding dengan memanggil kementerian sebanyak 5 kali berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2012 membabitkan 5 Kementerian.
- 3) Sepanjang 2014, PAC mengadakan prosiding sebanyak 27 kali membabitkan 15 Kementerian;
- 4) Dan untuk 2015 bermula daripada 17 Mac 2015 hingga 8 April 2015, sebanyak 12 prosiding diadakan membabitkan 13 Kementerian.
- 5) Ini bermakna PAC Parlimen Malaysia ke 13 sejak November 2013 sudah mengadakan 44 kali prosiding membabitkan:
 - a) Kementerian ialah Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Kementerian Pengangkutan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Wilayah Persekutuan.
 - b) Jabatan ialah Jabatan Kerja Raya, Jabatan Belia dan Sukan, Polis Diraja Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Penerbangan Awam, Jabatan Sisa Pepejal, Jabatan Pengajian Tinggi, Jabatan Pengangkutan Jalan.
 - c) Badan Berkanun ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Felcra, Felda, Finas, Universiti Malaysia Terengganu.
 - d) 1 Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB)
 - e) 2 Syarikat Terbitan Awam AirAsia Berhad dan JAKS Resources (Prosiding Pengurusan Empangan Paya Pedda)
 - f) 1 Persatuan iaitu Persatuan Syarikat Kawalan Keselamatan Malaysia.

- 6) Bagi tujuan penyediaan Laporan PAC untuk dibentangkan di Dewan Rakyat, PAC mengadakan mesyuarat khas dikenali sebagai 'Housekeeping' memabitkan Ahli Jawatankuasa PAC berserta Ex Officio daripada Kementerian iaitu Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Jabatan Akauntan Negara, Unit Perancang Ekonomi Negara dan Jabatan Perkhidmatan Awam.
 - a) Untuk 2013 tiada Mesyuarat Housekeeping diadakan disebabkan PAC hanya memulakan prosiding pada 21 November 2013.
 - b) Untuk tahun 2014, PAC mengadakan Mesyuarat Housekeeping sebanyak 14 kali
 - c) Untuk tahun 2015, PAC mengadakan Mesyuarat Housekeeping sebanyak 7 kali.
- 7) Berikutan itu, PAC sudah mengadakan sebanyak 65 kali mesyuarat secara keseluruhan dalam tempoh 17 bulan atau 1 tahun lima bulan dengan mesyuarat pertama pada November 2013 iaitu memabitkan prosiding Pengurusan Hari Belia Negara 2012.
- 8) Pada masa sama juga, PAC Parlimen Malaysia ke 13 juga menyaksikan dua Menteri datang memberikan penjelasan di hadapan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara iaitu Mantan Menteri Belia dan Sukan yang juga kini Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek dan Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh.
- 9) Sepanjang tempoh berkenaan iaitu 17 bulan, PAC sudah menerima dua kali pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (2013); tiga kali Laporan Ketua Audit Negara (2014) dan sekali Laporan Ketua Audit Negara pada 2015.
- 10) Dalam tempoh yang sama juga, PAC Parlimen ke 13 juga sudah membentangkan 11 Laporan PAC pada 2014 manakala tiga laporan PAC pada sidang Dewan Rakyat kali ini seperti berikut:

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KETIGA BELAS

NAMA LAPORAN PAC	TARIKH LAPORAN PAC DIBENTANG	SYOR PAC
<p>DR2/2015 Pengurusan Perolehan - Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 2</p>	<p align="center">18 Mac 2015</p>	<p>PAC mencadangkan FELDA mengambil tindakan penambahbaikan dalam menguruskan perolehannya seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Memastikan perolehan yang dilakukan mengikut peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan. 2. Membuat pembaharuan dan mengemas kini peraturan FELDA bagi menambah baik pengurusan kewangan FELDA pada masa depan. 3. Memastikan perolehan yang dilakukan mempunyai dokumen kontrak dan ditandatangani bagi memastikan kepentingan FELDA dilindungi. 4. FELDA sebagai badan induk hendaklah membuat pengawasan terhadap perolehan yang melibatkan anak syarikat dan garis panduan perlu disediakan. 5. Tindakan tatatertib perlu diambil terhadap pegawai yang terlibat dengan ketidakpatuhan peraturan dalaman FELDA bagi memastikan ketidakpatuhan tersebut tidak berulang. 6. PAC memandang berat mengenai kelemahan peranan Audit Dalam di FELDA. Dalam kes ini, PAC mengesyorkan supaya Jawatankuasa Audit dapat membuat pemantauan kepada semua perolehan dan urus tadbir korporat yang dilaksanakan di FELDA.
<p>DR1/2015 Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul</p>	<p align="center">25 Mac 2015</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan Audit Negara perlu memberikan tumpuan khusus terhadap keseluruhan projek-projek yang telah ditawarkan atau dilaksanakan di bawah konsep PFI yang memperolehi dana daripada syarikat PFI Sdn Bhd seperti projek ini. Ini adalah kerana projek-projek PFI seperti Pembinaan IPD Sentul adalah terkeluar daripada lingkungan perbelanjaan Kerajaan yang biasa. 2. PAC mencadangkan supaya Jabatan Audit Negara menjalankan kajian khas terhadap pengurusan pembiayaan projek-projek dibawah konsep PFI.

		<ol style="list-style-type: none"> 3. Jabatan Kerja Raya perlu mengadakan satu proses Audit reka bentuk atau memiliki perisian khas yang boleh menentukan sesuatu rekaan secara standard bagi memasti tiada masalah rekabentuk sewaktu pembinaan dijalankan. 4. PAC mencadangkan JKR untuk menyusun semula organisasinya dan tatacara kerja bagi memastikan pemantauan terhadap kerjakerja perunding dan kontraktor dibuat dengan lebih rapi. 5. Seksyen Pengurusan Nilai di Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri hendaklah memantau supaya masalah berkaitan dengan reka bentuk, keperluan pengguna, pengambilan balik tanah dan sebagainya tidak berulang pada projek lain pada masa hadapan.
<p>DR11 Projek Pembinaan Kuala Lumpur International Airport 2 (KLIA2)</p>	<p>25 November 2014</p>	<p>Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara mencadangkan beberapa perkara seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menggesa Kerajaan mengarahkan Jabatan Audit Negara membuat pengauditan menyeluruh ke atas segala penemuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara atas dasar kepentingan Kerajaan; 2. Meminta Jabatan Audit Negara mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab dan isu pokok ke atas masalah-rnasalah yang timbul supaya tindakan susulan dapat diambil oleh pihak berkuasa berkaitan; 3. Meminta Jabatan Audit Negara melakukan audit prestasi kepada MAHB sejak penubuhannya terutama dalam model pembangunan KLIA dan KLIA2 daripada segi perancangan, pelaksanaan dan kewangan. 4. Menggesa MAHB bertanggungjawab terhadap keselamatan pengguna dengan melaksanakan pemantauan secara berterusan untuk membaiki semua keretakan mendapan mengikut standard Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO); 5. Menggesa MAHB supaya tidak mengenakan atau menaikkan sebarang kadar atau caj melebihi kadar inflasi di KLIA2 untuk mendapatkan semula pulangan atau hasil yang telah dibelanjakan dalam pembinaan KLIA2; 6. Menggesa Kerajaan supaya memastikan tahap komunikasi dan kerjasama antara MAHB dengan syarikat-syarikat penerbangan tambang murah dieratkan supaya

		<p>matlamat menjadikan KLIA2 sebagai hub penerbangan tambang murah serantau tercapai; dan</p> <p>7. Menggesa Kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Awam Negara yang benar-benar bebas dan dianggotai individu yang tidak mempunyai kepentingan dalam mana-mana syarikat penerbangan atau pernah menjawat jawatan Kerajaan yang berkaitan dengan industri penerbangan bagi mengelakkan berlaku kepentingan konflik dengan pihak berkepentingan (stakeholders).</p>
<p>DR10 Peralatan Operasi Yang Tidak Digunakan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan</p>	<p>26 November 2014</p>	<p>Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, PAC mencadangkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. PAC menyarankan supaya Kementerian Kewangan mengambil kira maklumbalas tentang keperluan daripada Jabatan terlebih dahulu sebelum meluluskan sebarang perolehan peralatan yang diluar daripada perancangan Jabatan. Satu kajian kemungkinan perlu dijalankan terlebih dahulu bagi memastikan terdapat keperluan untuk menangani krisis seperti kebakaran, keruntuhan bangunan serta kejadian kemalangan yang diluar jangkaan. 2. Kementerian Kewangan perlu menyiasat punca berlakunya kes pembaziran ini dan mengambil tindakan ke atas pegawai yang bertanggungjawab atas perolehan peralatan Cobra Cutting Extinguisher E300. 3. Rantaian arahan terhadap perolehan ini tiada kesinambungan dan tidak jelas dan terputus dari segi dokumentasi yang boleh membawa kepada ketidakpatuhan tatacara perolehan dan pembaziran. 4. SPRM menyiasat perolehan ini dengan tujuan untuk memastikan ketelusan bagi perolehan berkenaan.
<p>DR9 Pengurusan Loji Insinerator</p>	<p>11 November 2014</p>	<p>Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, ahli PAC mencadangkan beberapa perkara seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kementerian perlu memastikan loji insinerator yang siap dibina dapat digunakan dan beroperasi mengikut kesesuaian iklim, lokasi, spesifikasi kontrak, tempoh masa yang ditetapkan dan dapat meyakinkan rakyat dan pengguna. 2. Kementerian hendaklah mengambil tindakan sewajarnya terhadap kecuaiannya terhadap kesuaian KSPN dan Ketua Pengarah JPSPN, kontraktor XCNT dan pakar Prof. Dr. Rozainee Taib dari UTM dan Dr. Sivapalan Katsiravale Principal Analyst, MiGHT yang

		<p>terlibat dalam pemilihan teknologi, perancangan dan pelaksanaan projek ini, yang mengakibatkan loji incinerator gagal disiapkan dan tidak beroperasi mengikut spesifikasi dan tempoh masa yang ditetapkan.</p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPPA) serta JPSPN perlu memastikan loji insinerator beroperasi dan mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling dan Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan. 4. Kaedah perolehan secara tender terbuka perlu dilaksanakan dalam perolehan pembinaan dan operasi loji insinerator pada masa hadapan supaya syarikat dan teknologi (generic technology) yang berwibawa dan terkini dapat diperolehi. 5. Kementerian perlu menjadikan isu yang dibincangkan sebagai pengajaran supaya mencapai objektifnya, serta tidak berlaku pembaziran. 6. Memberi pendidikan dan menyediakan peralatan yang sesuai kepada pengguna dalam mengendalikan dan mengasingkan sisa pepejal dari rumah/premis supaya pengurusan sisa pepejal dapat dijayakan secara total di setiap peringkat isi rumah, pengangkut sampah, pihak berkuasa tempatan dan pengilang. Ia dapat membantu loji insinerator beroperasi dengan lebih baik. 7. Kementerian perlu mengambil kira elemen kelemahan dalam perancangan di peringkat syarikat (kontraktor) sebelum meluluskan extension of time kepada kontraktor, bagi mengelakkan kerugian di peringkat Kerajaan.
<p>DR8 Pengurusan Pembinaan Kampus Sultan Azlan Shah</p>	<p>03 November 2014</p>	<p>PAC mencadangkan semua pihak yang terlibat agar mengambil tindakan penambahbaikan dalam menguruskan projek pembinaan secara design and build seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kontrak pembinaan secara design and build perlulah diteliti sebelum ditandatangani bagi mengelakkan perlunya perubahan dibuat yang boleh mengakibatkan kenaikan harga barang atau kelewatan dalam menyiapkan projek tersebut. 2. Semua pihak dalam kontrak design and build hendaklah memastikan need statement yang dipersetujui adalah praktikal dan tidak mengakibatkan pembaziran. 3. Selain aspek pembinaan, keadaan peralatan yang dipasang juga hendaklah diperiksa dengan teliti oleh UPSI bagi mengelakkan pengesahan dibuat ke atas

		<p>peralatan yang tidak menepati spesifikasi seperti di dalam kontrak dan kerja pembaikan adalah berkualiti.</p> <ol style="list-style-type: none"> 4. Bagi peralatan yang memerlukan kepakaran teknikal untuk digunakan secara berkesan agensi pengguna seperti JKR dan UPSI hendaklah memastikan peqawat diberikan kepakaran untuk menggunakan peralatan selepas proses penyerahan projek dilakukan. 5. Pihak Pengarah Projek yang dilantik, kontraktor dan UPSI hendaklah sentiasa berkomunikasi secara berkesan supaya isu yang dibangkitkan dapat diselesaikan dengan efektif.
<p>DR7 Pengurusan Pelaburan Hartanah Luar Negara</p>	<p>29 Oktober 2014</p>	<p>Tiada Syor; PAC berpuashati dengan penjelasan yang diberikan mengenai pengurusan dan prosedur pelaburan hartanah KWSP di luar negara khususnya di Australia. Secara keseluruhannya, PAC juga mendapati urus tadbir pengurusan pelaburan khususnya mengenai operasi, fungsi dan pengurusan risiko mengikut prosedur dan rangkaian pematuhan yang telah ditetapkan dalam KWSP untuk memastikan bahawa kemungkinan berlaku kerugian pelaburan dapat dikurangkan.</p>
<p>DR6 Projek Peningkatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu</p>	<p>28 Oktober 2014</p>	<p>Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, PAC mencadangkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tindakan tegas dan segera perlu diambil terhadap kontraktor asal kerana ketidakpatuhan terhadap syarat-syarat kontrak. Pada masa kini kontraktor telah mengambil tindakan mahkamah terhadap Kementerian pada 4 Januari 2013. Bagaimanapun, kes masih dalam perbicaraan dan bon pelaksanaan sejumlah RM36 juta telah ditahan sementara menunggu keputusan mahkamah. 2. Perancangan pembelian peralatan seperti ILS hendaklah dikawal dengan lebih rapi oleh Pegawai Penguasa (SO) bagi mengelakkan peralatan yang telah dibeli tidak dapat dipasang kerana kelewatan kerja yang berhubung kait. 3. Pembayaran bagi pembelian dan pemasangan peralatan hendaklah diselarikan dengan kemajuan kerja. 4. Kementerian hendaklah memastikan pelan perpindahan AirAsia ke Terminal 1 akan dilaksanakan selaras dengan keputusan Mesyuarat Majlis Ekonomi.

<p>DR5 Pengurusan Perolehan Kapal Penyelidikan & Latihan RV Discovery oleh Universiti Malaysia Terengganu</p>	<p>27 Oktober 2014</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. PAC amat tidak berpuas hati dengan pengurusan perolehan kapal yang tidak mencapai objektif yang disasarkan. PAC mendapati pegawai pengawal UMT yang terlibat cuai dan tidak cekap dalam melaksanakan tanggungjawab. Segala keputusan dan tindakan yang dilihat memihak kepada kontraktor telah menimbulkan keraguan dan memberi tanggapan bahawa berlaku pelanggaran tata kelakuan yang mencurigakan. 2. Antara kesalahan yang paling serius dalam kes ini adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. Tidak melaksanakan due diligence dengan rapi semasaproses tender bagi mengetahui latar belakang syarikat, prestasi dan kedudukan kewangan syarikat supaya pelantikan petender dibuat kepada syarikat yang layak, kukuh kewangannya dan tiada percanggahan kepentingan. ii. Arahan Perubahan Kerja iaitu penukaran badan kapal dari besi kepada aluminium dilaksanakan selepas 3 bulan perjanjian ditandatangani dan perubahan kerja dilaksanakan sebelum mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Melulus. iii. Membenarkan Badan Pengkelasan Kapal diubah dari Lloyd's Register Group, Det Norske Veritas dan American Bureau Of Shipping kepada Badan Pengkelasan Tempatan iaitu Ships Classification Malaysia. Ini mewujudkan unsur conflict of interest yang serius kerana Pengarah syarikat Kaymarine adalah pemegang saham kedua tertinggi dalam SCM. Oleh sebab itu, kreadibiliti sijil kelayakan yang diberi oleh SCM diragui. PAC mengesyorkan tindakan berpatutan dikenakan kepada pegawai pengawal yang bertanggungjawab termasuk mantan Naib Canselor Prof. Dr. Datuk Abd Aziz Deraman, Prof. Dato' Dr. Sulaiman bin Md. Yassin dan Pengarah Pembangunan, Tuan Hj. Ir. Mohd Zaideen bin Yusoff. 3. PAC mencadangkan tindakan penambahbaikan untuk pengurusan perolehan seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. UMT hendaklah menyerahkan urusan perolehan kepada Kementerian Pendidikan atau Kementerian Kewangan Malaysia sekiranya ia tidak mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam bidang perolehan tersebut. UMT hanya perlu mengemukakan penyata kehendak dan keperluan spesifikasi bagi tujuan perolehan.
--	-------------------------------	---

		<ul style="list-style-type: none"> ii. UMT hendaklah mengenal pasti keperluan pengguna sebelum menyediakan spesifikasi serta membuat justifikasi keperluan lebih awal dalam menguruskan perolehan. iii. UMT hendaklah meningkatkan proses dan prosedur tender serta menjalankan cost and benefit analysis bagi menentukan samada perolehan atau penyewaan kapal lebih menguntungkan. iv. UMT hendaklah melaksanakan due diligence dengan rapi semasa proses tender bagi mengetahui latar belakang syarikat, prestasi dan kedudukan kewangan syarikat supaya pelantikan petender dibuat kepada syarikat yang layak, kukuh kewangannya dan tiada percanggahan kepentingan. v. UMT hendaklah meneliti dokumen kontrak dan memastikan ia bersesuaian dengan keperluan dan objektif kapal penyelidikan dan latihan. vi. UMT hendaklah mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Melulus sebelum melaksanakan perubahan kerja dan perubahan spesifikasi. Perubahan selepas perjanjian ditandatangani hendaklah dielakkan. vii. UMT hendaklah memastikan semua syarat dalam perjanjian dipatuhi sebelum memperaku penerimaan kapal dan mengenakan LAD yang sepatutnya sekiranya berlaku kelewatan. viii. UMT hendaklah memeriksa semula kapal RV Discovery dari aspek keselamatan supaya selamat digunakan dan para pengguna termasuk penyelidik dan kru tidak mengalami kecederaan atau kemalangan. <p>4. Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) hendaklah menjalankan siasatan terhadap pengurusan perolehan kapal RV Discovery.</p>
<p>DR4 Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Institusi Pendidikan Sekolah (Kementerian Pendidikan)</p>	<p>14 Oktober 2014</p>	<ul style="list-style-type: none"> 1. PAC mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan perkara-perkara seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. tender kawalan keselamatan perlu dilaksanakan secara prequalification yang mana hanya syarikat yang benar-benar mempunyai keupayaan dan pengalaman dijemput untuk mengambil bahagian dalam tender; ii. due diligence perlu dibuat bagi memastikan syarikat yang dilantik berkeupayaan menjalankan perkhidmatan yang ditawarkan;

		<ul style="list-style-type: none"> iii. harga yang ditawarkan perlu munasabah dengan mengambilkira faktor-faktor seperti bilangan murid, keluasan sekolah, jarak sekolah dari bandar, jumlah aset yang ada dan dasar gaji minimum; iv. Audit Dalam Kementerian perlu membuat semakan semula pada hujung tahun 2014 bagi memastikan penambahbaikan yang dijanjikan dilaksanakan; dan v. pembekalan alat seperti CCTV, watchman clock dan sebagainya mestilah diasingkan daripada perkhidmatan keselamatan dan diserahkan kepada syarikat yang mempunyai kepakaran dalam perkara berkaitan. <ol style="list-style-type: none"> 2. PAC akan memanggil Kementerian Dalam Negeri bagi memberi penjelasan berhubung isu kualiti, disiplin dan kelayakan pengawal keselamatan; proses perlesenan syarikat keselamatan dan isu pengambilan pengawal keselamatan warga asing. 3. PAC mencadangkan Kementerian mengambil tindakan lebih tegas terhadap syarikat kawalan keselamatan yang tidak mematuhi syarat-syarat kontrak yang telah ditetapkan. Antara tindakan yang perlu diambil dengan segera termasuk penalti yang setimpal dengan kesalahan yang dibuat. 4. PAC mencadangkan supaya syarikat yang bermasalah tegar disenaraihitamkan. 5. PAC mencadangkan Kementerian mengambil serius tuduhan amalan rasuah dan mengadakan siasatan menyeluruh ke atas pengurusan kontrak kawalan keselamatan sekolah ini. PAC juga mencadangkan SPRM menjalankan siasatan berasingan mengenai isu ini.
<p>DR3 Pengurusan Kehilangan Aset Kerajaan (Kementerian Dalam Negeri & Polis DiRaja Malaysia)</p>	<p>19 Jun 2014</p>	<p>Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, ahli PAC mencadangkan beberapa perkara seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Penambahbaikan oleh pihak PDRM perlu dibuat ke atas pengurusan aset secara keseluruhannya (Total Asset Management) dan bukan hanya tertumpu kepada pengurusan kehilangan aset kerana Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan Perakaunan Secara Akruan (Accrual Accounting) bermula pada 1 Januari 2015;

		<ol style="list-style-type: none"> 2. Memastikan sistem yang dibangunkan oleh pihak PDRM mempunyai audit trail supaya setiap aktiviti yang dibuat dalam sistem dapat dijejaki; 3. Pihak PDRM perlu mewujudkan suasana fear of being audited supaya sistem check and balance dapat meningkatkan tahap pengurusan kewangannya. 4. Meminta Jabatan Audit Negara untuk melaksanakan pengauditan susulan terhadap langkah penambahbaikan terhadap pengurusan aset secara umumnya dan pengurusan kehilangan aset secara khususnya yang telah dan sedang diambil oleh pihak PDRM; dan 5. Meminta agar pihak Kerajaan mempertimbangkan supaya perolehan kenderaan operasi PDRM yang baru dibuat secara sewaan memandangkan ia lebih menjimatkan dalam tempoh jangka masa panjang berikutan masalah kenderaan operasi PDRM yang telah berusia.
<p>DR2 Kelemahan Pengurusan Hasil (Kementerian Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia)</p>	<p>19 Jun 2014</p>	<p>Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, ahli PAC mencadangkan beberapa perkara seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. LHDNM dan JKDM digabungkan untuk mengurangkan birokrasi dan memantapkan lagi keberkesanan dalam memungut hasil serta mengurangkan keperluan kepada penambahan tenaga kerja baru selari dengan amalan agensi pemungut cukai di negara-negara maju dunia; 2. LHDNM dan JKDM memastikan semua sistem yang digunakan seperti ReMS, uCustoms dan MyGST mempunyai audit trail dan mampu mengurangkan human intervention dalam proses taksiran cukai serta berusaha mengekalkan institutional memory dalam organisasi masing-masing; 3. Mengkaji semula kewajaran dasar untuk memberi lesen Kedai Bebas Cukai Bandaraya di luar pusat pengangkutan; menggunakan sistem IT untuk memastikan semua barangan bebas cukai yang dibeli dibawa keluar daripada negara serta mengambil tindakan tegas terhadap Kedai Bebas Cukai yang gagal mematuhi syarat lesen dan memalsukan invois jualan; 4. Menegur JKDM kerana tidak mengambil tindakan yang lebih tegas dan berkesan untuk mengatasi penyeludupan rokok dan arak terutamanya di Sabah dan Sarawak, di mana rokok dan arak tanpa bayaran duti dijual secara berleluasa. Ini mengakibatkan Kerajaan kehilangan hasil cukai yang besar;

		<ol style="list-style-type: none"> 5. Mempertingkatkan lagi automatic information sharing di antara LHDNM dan JKDM dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti SSM, JPJ, Pejabat Tanah dan lain-lain. PAC mengesyorkan LHDNM dan JKDM dikecualikan daripada dikenakan bayaran atas perkhidmatan yang diminta; 6. Amalan pegawai LHDNM mengesyorkan ejen cukai kepada pembayar cukai yang disiasat dihentikan. Perkara ini boleh menimbulkan conflict of interest; 7. Bagi projek bangunan LHDNM di Bangi, isu berkenaan akan dibangkitkan oleh PAC dengan pihak JKR; dan 8. LHDNM dan JKDM memberikan latihan yang berkualiti bagi meningkatkan kecekapan dan profesional pegawai di samping mewujudkan tenaga kerja yang menguasai pelbagai kemahiran (multi-skilling) serta mampu melaksanakan pelbagai tugas (multi-tasking).
<p>DR1 Perbelanjaan Hari Belia Negara 2012</p>	<p>10 April 2014</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, ahli PAC mencadangkan beberapa perkara seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. Dasar dan peraturan sedia ada Kerajaan perlu diselaraskan dan diubahsuai khususnya yang berkaitan dengan pendekatan outcome based budgeting dan value for money; dan ii. Jabatan Audit Negara turut diminta untuk menilai semula pendekatan pengauditan yang digunakan khususnya berhubung aspek outcome based budgeting dan value for money. 2. PAC mengesyorkan Kerajaan mengambil tindakan punitive terhadap Pegawai Pengawal Kementerian Belia & Sukan dan pihak-pihak berkenaan yang gagal memastikan pembayaran yang dibuat oleh MBM untuk Hari Belia Negara 2012 mematuhi tatacara kewangan. 3. PAC mengesyorkan secara keseluruhan berkenaan isu parking di agensi Kerajaan ini, Kerajaan perlu mengambil tindakan terhadap Pegawai Pengawal yang masih menyalurkan peruntukan (parking) kepada agensi di bawahnya iaitu selepas tahun kewangan 2013. Bagi peruntukan yang telah disalurkan kepada agensi sebelum tahun 2014, Kerajaan perlu membuat penilaian semula terhadap penggunaan peruntukan tersebut ke atas projek-projek yang telah dirancang sama ada masih

		<p>relevan atau tidak. PAC mencadangkan projek-projek berstatus belum mula, lewat jadual dan sakit bagi tempoh lima tahun harus dibuat penilaian semula. Seandainya didapati tidak relevan, kesemua peruntukan yang disalurkan (parking) itu hendaklah dipulangkan semula kepada Kumpulan Wang Disatukan.</p> <p>Memandangkan pelaksanaan Perakaunan Berasaskan Akruan akan dilaksanakan pada tahun 2015 selaras dengan piawaian Perakaunan Antarabangsa yang diterima umum, amalan parking ini tidak akan berlaku lagi di bawah semua agensimasing-masing. PAC mengesyorkan agar pihak Jabatan Akauntan Negara mengambilkira perkara ini dalam penyediaan Penyata Kewangan berasaskan Perakaunan Akruan dan Jabatan Audit Negara dalam proses kerja pengauditannya bagi mengelakkan Sijil Berteguran dikeluarkan.</p> <p>4. Agensi/NGO di bawah sesebuah Kementerian hendaklah menyediakan laporan kewangan yang tepat dan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.</p>
--	--	---

11) Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304(a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), Jawatankuasa telah membuat pemeriksaan terhadap perkara ini dengan tujuan:

- a. Mengenal pasti dasar Kerajaan yang berkaitan dengan isu pembayaran tersebut;
- b. Menentukan sama ada perbelanjaan tersebut telah dibuat dengan berhemat atau sebaliknya;
- c. Mengenalpasti sama ada pembayaran yang dibuat selaras dengan peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa; dan
- d. Mengesyorkan tindakan-tindakan yang patut diambil terhadap pihak-pihak yang terlibat sekiranya didapati berlaku penyelewengan wang awam.

12) Pada masa sama, Perenggan 304(b) Arahan Perbendaharaan menetapkan tindakan-tindakan berikut perlu diambil selepas Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) dibentangkan di Parlimen:

- a) Perbendaharaan Malaysia dikehendaki memaklumkan kepada Pegawai Pengawal berkenaan perenggan-perenggan di dalam Laporan Mesyuarat Jawatankuasa yang melibatkan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan masing-masing.
- b) Pegawai Pengawal berkenaan perlu mengambil tindakan yang telah diambil atau kedudukan semasa perkara yang dibangkitkan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara.
- c) Perbendaharaan Malaysia menyedia dan mengemukakan satu memorandum muktamad kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara mengenai perkara-perkara yang dinyatakan dalam Laporan Mesyuarat Jawatankuasa berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada Pegawai-Pegawai Pengawal. Memorandum ini perlu disediakan dengan segera dan sepatutnya dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa yang berikutnya untuk makluman dan tindakan lanjut di mana perlu.

13) Bagaimanapun, sehingga ke hari ini, kerajaan atau lebih tepat lagi Perbendaharaan Malaysia / Kementerian Kewangan gagal mengikut Perenggan 304(b) Arahan Perbendaharaan kerana gagal mengemukakan sebarang maklum balas kepada PAC seperti yang diterangkan seperti di atas.

14) Semua syor yang dimaklumkan PAC dalam Laporan PAC yang dibentangkan di Parlimen sama ada tidak diikuti atau langsung tidak dimaklumkan kepada Jawatankuasa ini.

- 15) Sebagai contoh, syor PAC dalam Laporan PAC bagi Projek Pembinaan Kuala Lumpur International Airport 2 (KLIA2) yang dibentangkan pada 25 November 2014 untuk membenarkan Jabatan Audit Negara mengadakan audit keseluruhan terhadap segala penemuan yang dibuat PAC atas dasar kepentingan kerajaan sehingga ke hari ini, gagal dilakukan.
- 16) Sesuatu yang menghairankan apabila Kerajaan boleh mengarahkan Jabatan Audit Negara melakukan pengauditan terhadap syarikat 1MDB tetapi tidak melakukan terhadap KLIA2 seperti yang disyorkan dalam Laporan PAC.